



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000  
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207  
Laman Web:  
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj.Kami : ANM(A)MEL/58 JLD3 (37)  
Tarikh : 02 Januari 2019  
Bersamaan : 25 Rabiulakhir 1440H

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab**

Tuan,

**PENYEDIAAN SIJIL PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT AKHIR  
2018**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Mengikut AP113(f) telah menyatakan bahawa ;

*Pada penghujung tahun semua Pemegang Panjar hendaklah mengemukakan satu salinan Sijil Perakuan Panjar bersama-sama rekupmen terakhir bagi tahun tersebut kepada Akauntan Negara dengan satu salinan kepada Ketua Audit Negara. Sijil Perakuan PWR perlu dikemukakan bersama-sama rekupmen akhir ke Pejabat Perakaunan di mana rekupmen dibuat dan apungan berada.*

2. Oleh itu bagi tujuan tersebut, semua Pemegang Panjar Wang Runcit di PTJ diminta untuk mengemukakan **Surat Iringan dan dua (2) set dokumen Sijil Perakuan Panjar** seperti berikut :

- i. **Sijil Perakuan Panjar (hendaklah disediakan secara manual -Lampiran A5), Lampiran I dan Lampiran II bertarikh 31 Disember 2018;**
- ii. **Salinan dokumen Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar (Terakhir) (dicap / ditulis Rekupmen Terakhir) dan disahkan; dan**
- iii. **Laporan Buku Wang Runcit hendaklah dicetak pada tarikh Arahan Pembayaran Rekupmen Akhir.**

3. Dokumen tersebut perlu dikemukakan kepada Unit Akaun JANM Negeri Melaka selewat-lewatnya pada **10 Januari 2019 (Khamis)**.

4. Untuk makluman, Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit boleh dicetak mulai 31 Disember 2018. Bersama-sama ini disertakan tatacara untuk menyediakan Sijil Perakuan Panjar sebagai rujukan tuan.
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi En. Mohd Hairul bin Jamaludin atau Puan Ruslawati binti Safii di talian 06-289 5060/5062.
6. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.